

# PM: Laporan Amnesty bertujuan burukkan Malaysia

UM 3 0 MAY 2002

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN

**K**UALA LUMPUR 29 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan laporan Amnesty International mengenai rekod hak asasi manusia di negara ini hanya bertujuan untuk memburuk-burukkan Malaysia.

Beliau tidak terkejut dengan laporan itu dan menganggap laporan badan itu terhadap rekod hak asasi manusia Malaysia sebagai sesuatu yang sudah dijangka.

“Yang itu (laporan Amnesty), biasalah...,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kongres Dunia ke-53 Persekutuan Hartanah Antarabangsa (FIABCI) di sini hari ini.

## Terbaru

Beliau diminta mengulas laporan tahunan terbaru Amnesty International yang terus mendakwa Malaysia telah melanggar hak asasi manusia untuk mengekalkan kestabilan negara.

Laporan itu menyebut Malaysia telah menahan beberapa pelampau Islam dan meletakkan mereka di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang berisiko untuk didera.

Perdana Menteri berkata, tidak ada perkara yang perlu dibimbangkan hasil daripada laporan itu kerana masyarakat dunia boleh melihat sendiri pelaksanaan hak asasi manusia di Malaysia.

## Tertindas

“Tengoklah rakyat Malaysia ini. Apakah mereka tertindas. Sebenarnya mereka suka diselamatkan daripada keganasan sesetengah pihak,” katanya.

Perdana Menteri berkata, Amnesty International sepatutnya menilai hak asasi di tempat-tempat yang menyaksikan orang ramai ditindas dan dibunuh dengan sewenang-wenangnya.

“Ada pembunuhan beramai-ramai pun, dia (Amnesty) tak bagi perhatian. Dia nak bagi perhatian kepada Malaysia sahaja,” tegasnya.